



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BLOK K, ARAS 2
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033
Fax : 03-2095 6523
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : prot@kpkt.gov.my

() KPKT/BPK/19/7/4 Klt. 28

09 Januari 2010

SIARAN MEDIA

10 PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DI NEGERI SABAH BERJAYA DISIAPKAN

KOTA KINABALU 09 Januari 2010 - Sebanyak 10 buah daripada 24 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Negeri Sabah yang melibatkan pembinaan 9,631 unit rumah dengan membabitkan kos sebanyak RM601 juta

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Kong Cho Ha berkata, sebanyak 14 projek PPR pula sedang giat dilaksanakan melibatkan pembinaan sebanyak 8,658 unit rumah.

“Antara projek yang telah siap ialah PPR Jalan Utara di Sandakan, PPR Telipok, (Sepanggar), PPR Telipok Ria (Sepanggar), PPR Kg. Warisan, Inanam, PPR Balung, Tawau, PPR Batu 4 Lahat Datu dan PPR Jalan Segandai di Kinarut. Katanya pada sidang media selepas melawat projek PPR Kiansom Besar di Inanam dekat sini.

Sementara mengulas mengenai lawatan ke PPR Kiansom Besar yang masih belum dapat disiapkan sejak 2003 beliau berkata, kontraktor baru telah dilantik pada 4 Ogos tahun lalu untuk menyiapkan projek berkenaan dan ianya dijangka siap pada Ogos 2011.

“Untuk meneruskan projek ini ianya melibatkan kos sebanyak RM48 juta, ianya merupakan usaha kementerian ini bagi menyiapkan baki kerja merekabentuk, membina dan menyiapkan 1,000 unit rumah tersebut,” jelasnya.

Ini katanya, menunjukkan kerajaan memandang serius dalam usaha menangani isu berkaitan projek bermasalah dengan mengambil kira kepentingan rakyat.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat jessy@kpkt.gov.my atau Cik Nurul Hajar / En. Mohd Safrizal di talian 03-2245 9539 / 9486 atau emelkan ke hajar@sisa.my / mohd.safrizal@sisa.my. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).